



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

BUKU “MENJUNJUNG LEGASI KEPIMPINAN WANITA KPWKM” – JULANG NAMA BESAR WANITA SEBAGAI TULANG BELAKANG DASAR SOSIAL NEGARA

KUALA LUMPUR, 28 Mei – Hari ini menerusi *ISM Executive Talk* telah berlangsungnya Pelancaran Buku Menjunjung Legasi Kepimpinan Wanita KPWKM oleh YBhg. Dato’ Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Perkhidmatan Awam. Wacana ilmu ini merupakan *platform* bicarawara perkongsian ilmu antara tokoh-tokoh terkenal bagi mendedahkan peserta kepada keadaan isu-isu semasa terkini. Objektif program ini adalah untuk menerapkan *goal practices* serta meningkatkan pengetahuan berkenaan dasar, hala tuju dan pendekatan terbaik menangani isu-isu semasa masyarakat bagi agensi-agensi Kerajaan, demi memperkukuhkan kerjasama dalam kalangan pegawai awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemegang taruh.

Dalam majlis tersebut, Dato’ Sri Wan Ahmad Dahlan turut menzahirkan penghargaan di atas segala komitmen dan cetusan idea yang boleh diangkat sebagai sebuah “naskhah lakaran naratif evolusi KPWKM dalam memberi impak yang tinggi kepada perubahan drastik terutamanya dalam penambahbaikan sistem penyampaian serta pemeraksanaan wanita, keluarga dan masyarakat.” Buku yang membariskan lapan (8) tokoh pimpinan wanita yang mengetuai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Ketua Setiausaha (KSU) ini juga turut memastikan catatan, pemikiran, falsafah, prinsip dan sumbangan tokoh-tokoh wanita dalam mengemudi KPWKM dan menerajui agenda pembangunan serta kesejahteraan sosial masyarakat Malaysia.

Melalui penyampaian bicara eksklusif dengan tajuk “H.E.M.A.T.: Penuhi Aspirasi, Pencapaian Dirasai”, beliau turut menggesa agar pegawai awam dapat terus memikul amanah dan kepercayaan yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka dengan sepenuh jiwa dan raga berdasarkan nilai-nilai H.E.M.A.T.

Ujarnya, “konsep H.E.M.A.T adalah akronim kepada Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran, yang menghendaki penjawat awam untuk sentiasa berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas dan mengamalkan komunikasi secara efisien.” Tambah beliau “nilai H.E.M.A.T perlu sejajar dengan dasar Malaysia MADANI yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri dan aspirasi “*The G.R.E.A.T. Civil Service*” yang diperkenalkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), agar implementasi nilai baharu itu kelak dapat memenuhi segala hasrat yang telah digariskan”.

Selain itu, pegawai awam juga perlu berpegang kepada tiga (3) prinsip dalam melaksanakan tugas iaitu Memudahkan (*Facilitate*), Menyesuaikan (*Accommodate*) dan Menyegerakan (*Accelerate*). Untuk itu, cara kerja semasa perlu disesuaikan agar menepati hala tuju negara dan memenuhi harapan rakyat.

Berteraskan kepada hubungan kemanusiaan, nilai-nilai H.E.M.A.T dapat dipraktikkan oleh setiap pemimpin dan pekerja dalam sektor awam. Ujar beliau, “seseorang pemimpin seharusnya menjadi pendengar yang baik, bijak dalam mengoptimumkan sumber, aktif mengilhamkan idea-idea baharu, serta terlibat dalam menggubal undang-undang dan peraturan baharu”. Manakala pekerja pula perlulah “melaksanakan semua perubahan yang ditetapkan, berusaha memahami sebarang perubahan baharu, mengaplikasikan kaedah baharu yang digunakan, dan mematuhi semua ketetapan baharu”.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan turut menzahirkan ucapan tahniah dan penghargaan atas sumbangan tokoh-tokoh penjawat awam ini dalam menerajui KPWKM yang menjadi tunjang utama pembangunan sosial dan tulang belakang yang mengatur serta melaksanakan dasar-dasar sosial bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang sejahtera, makmur dan progresif. "Sesungguhnya pengalaman, buah fikiran, integriti dan sumbangan tokoh-tokoh wanita dalam menerajui dasar sosial dan kemasyarakatan negara adalah suri teladan yang harus diketengahkan kerana ia memacu perkembangan negara yang sejahtera menerusi hasil yang dituai pada hari ini," ujar beliau.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Ketua-Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian, YBrs. Dr. Faridah binti Awang, Pengarah ISM, Mantan Ketua-Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM dan Pengurusan Tertinggi JPA dan KPWKM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
28 MEI 2024**